

**GARIS PANDUAN SKAN GENERAL/SKAN PET-CT/RAWATAN RADIOIODINE  
KE JABATAN PERUBATAN NUKLEAR  
INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)**

---

Rujukan ke Jabatan Perubatan Nuklear hanya boleh dilakukan oleh kakitangan perubatan sahaja. Proses rujukan melibatkan langkah-langkah berikut:

**1. Rujukan untuk melakukan Skan General/Kajian Perfusi Jantung menggunakan Radioisotop dan Kajian Radioisotop Yang Tidak Memerlukan Skan:**

1.1 Sila muat turun borang permohonan di bawah:

- [Borang Permohonan Kajian/Rawatan Radioisotop \(Nuclear Medicine General Request Form\)](#)
- [Borang Permohonan Kajian Perfusi Jantung \(Myocardial Perfusion Study Request Form\)](#)

1.1 Isi borang dengan lengkap dan lampirkan pemeriksaan yang berkaitan untuk melengkapkan rujukan.

1.2 Borang permohonan perlulah ditandatangani beserta dengan cop oleh Pakar Perubatan yang merujuk.

1.3 Sila e-mel borang yang lengkap pada e-mel yang tertera pada borang rujukan tersebut.

1.4 Untuk kes '*urgent*', sila hubungi Institut Kanser Negara untuk disambungkan kepada pegawai perubatan Jabatan Perubatan Nuklear atas panggilan (*on-call*) setelah menghantar borang yang lengkap.

**2. Rujukan untuk Skan PET/CT (PET/CT scan):**

2.1 Sila muat turun borang permohonan di bawah:

- [Borang Permohonan Kajian PET/CT \(PET CT Request Form\) - FDG PET/CT](#)
- [Borang Permohonan Kajian PET-CT \(PET-CT Request Form\) untuk Somatostatin Receptor \(SSTR\), Ga-68 DOTA-peptide](#)
- [Borang Permohonan Kajian PET-CT \(PET-CT Request Form\) untuk PSMA for Prostate Cancer](#)

2.2 Isi borang dengan lengkap dan lampirkan pemeriksaan yang berkaitan seperti laporan pemeriksaan terkini (CT/MRI/US/PETCT dll) serta laporan pemeriksaan histopatologi.

2.3 Borang permohonan perlulah ditandatangani beserta dengan cop oleh Pakar Perubatan yang merujuk.

2.4 Sila e-mel borang yang lengkap pada e-mel yang tertera pada borang rujukan tersebut.

2.5 Untuk kes '*urgent*', sila hubungi Institut Kanser Negara untuk disambungkan kepada pegawai perubatan Jabatan Perubatan Nuklear atas panggilan (*on-call*) setelah menghantar borang yang lengkap.

**3 Rujukan untuk Rawatan Radioiodine bagi Kanser Thyroid dan Thyrotoxicosis:**

3.1 Sila sertakan surat rujukan yang lengkap yang mengandungi riwayat penyakit, pembedahan dan rawatan yang telah diterima oleh pesakit.

3.2 Lampirkan laporan pemeriksaan histopatologi yang lengkap (kes kanser thyroid).

3.3 Borang permohonan perlulah ditandatangani beserta dengan cop oleh Pakar Perubatan yang merujuk.

3.4 Sila e-mel borang yang lengkap pada e-mel yang berikut:

Alamat e-mel : [nucmed@nci.gov.my](mailto:nucmed@nci.gov.my)  
Telefon : 03-8892 5555 (ext: 3118)  
: 03-8892 5406

**GARIS PANDUAN SKAN GENERAL/SKAN PET-CT/RAWATAN RADIOIODINE  
KE JABATAN PERUBATAN NUKLEAR  
INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)**

---

3.5 Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Institut Kanser Negara untuk disambungkan kepada pegawai perubatan Jabatan Perubatan Nuklear atas panggilan (on-call) setelah menghantar borang rujukan yang lengkap.

**Maklumat Tambahan:**

1. Pihak yang merujuk perlu memaklumkan kepada pesakit untuk membawa semua dokumen yang berkaitan seperti Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Kad Pencen dan dokumen-dokumen lain, seperti Surat Pengesahan daripada majikan(GL) juga sijil/surat nikah sekiranya pesakit warga asing yang berkahwin dengan warga negara Malaysia pada hari temujanji.
2. IKN akan memaklumkan tarikh dan persediaan temujanji kepada pesakit melalui panggilan telefon.

\* Sila hubungi nombor telefon yang tertera pada borang rujukan yang berkenaan setelah menghantar surat rujukan untuk memastikan surat rujukan anda telah diterima oleh pihak kami.

HAK MILIK IKN